



LAPORAN LIPUTAN MEDIA
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

TARIKH : 22 JUN 2025 | 25 ZULHIJJA H
HARI : AHAD

BIL.	AGENSI MEDIA	TAJUK
1.	Kosmo	- Penyu mati akibat kecuaian nelayan, pelancongan - Ikan lumba-lumba Irrawaddy ditemui mati tersangkut pukot pari

Ringkasan Eksekutif

Pada **22 JUN 2025**, sebanyak **2** liputan media berkaitan Jabatan Perikanan Malaysia telah diterbitkan. Daripada jumlah tersebut, **0** liputan bersifat positif, **0** bersifat neutral, dan **2** liputan negatif direkodkan.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Perikanan Malaysia

1.	Tajuk	Penyu mati akibat kecuaian nelayan, pelancongan
	Akhbar/Media	Kosmo
	Muka surat/capaian	16
	Kategori Liputan	Negatif

Penyu mati akibat kecuaian nelayan, pelancongan

DUNGUN – Jabatan Perikanan mengingatkan pemain industri pelancongan dan nelayan agar berhati-hati dan tidak melakukan aktiviti yang boleh mengancam nyawa penyu di perairan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, di perairan Terengganu sahaja, sebanyak 94 ekor penyu telah ditemui mati sejak Januari tahun lalu.

"Saya seru komuniti nelayan dan mereka yang terlibat dalam bidang pelancongan agar berhati-hati agar tidak menyebabkan kematian dan kecederaan pada penyu.

"Kita sebenarnya tidak menggalakkan aktiviti penangkapan ikan di zon-zon pen-

daratan penyu seperti Rantau Abang, Ma' Daerah, Kemaman dan Cherating di Pahang" katanya selepas melancarkan laman web taman laut, www.marineparksofmalaysia.com di sini semalam.

Laman web inisiatif Yayasan Sime Darby dan badan bukan kerajaan alam sekitar, Fuze Ecoteer itu bukan sahaja mengandungi maklumat 52 taman laut seluruh negara malah menjadi medium orang ramai melaporkan sebarang aktiviti penganalayaan hidupan marin termasuk penyu.

Adnan berkata, kebanyakan bangkai penyu ditemui mati dipercayai akibat tersangkut pada pukat atau terkena kipas bot.



ADNAN (kiri) melawat salah sebuah reruai pemuliharaan penyu selepas melancarkan laman web taman laut di Rantau Abang semalam.

RINGKASAN :

Jabatan Perikanan Malaysia mengingatkan pemain industri pelancongan dan nelayan berhati-hati dan tidak melakukan aktiviti yang boleh mengancam nyawa penyu di perairan negara. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia berkata, di perairan Terengganu sahaja, sebanyak 94 ekor penyu ditemui mati sejak Januari tahun lalu.

2.	Tajuk	Ikan lumba-lumba Irrawaddy ditemui mati tersangkut pukat pari
	Akhbar/Media	Kosmo
	Muka surat/capaian	16
	Kategori Liputan	Negatif



ANGGOTA APMM menemui bangkai ikan lumba-lumba Irrawaddy tersangkut pada pukat pari haram di perairan Kuala Kedah kelmarin.

Ikan lumba-lumba Irrawaddy ditemui mati tersangkut pukat pari

Kosmo, 16/6, 2016

ALOR SETAR – Seekor ikan lumba-lumba Irrawaddy ditemukan mati dipercayai akibat tersangkut pada pukat pari haram yang ditinggalkan nelayan secara sembunyi di perairan Kuala Kedah, dekat sini kelmarin.

Spesies marin terancam itu ditemukan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Kedah ketika menjalankan rondaan rutin kira-kira 1.1 batu nautika dari muara Kuala Kedah pada

pukul 11 pagi.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, penemuan menyedihkan itu berlaku susulan rampasan pukat pari dianggar bernilai RM2,000 yang dipercayai digunakan secara haram oleh pihak tertentu.

"Pukat pari ini antara alat tangkapan yang diwartakan sebagai haram di bawah Akta Perikanan 1985 kerana sifatnya yang

tidak selektif.

"Ia bukan sahaja memerangkap pari dan anak-anak ikan tetapi juga mengancam spesies marin yang dilindungi seperti ikan lumba-lumba Irrawaddy," katanya di sini semalam.

Kata beliau, ikan lumba-lumba Irrawaddy (*Orcaella brevirostris*) yang turut dikenali sebagai Empesut merupakan spesies unik yang semakin pupus di Asia Tenggara termasuk di negara ini.

RINGKASAN :

Seekor ikan lumba-lumba Irrawaddy ditemukan mati oleh pasukan APMM dipercayai akibat tersangkut pada pukat pari haram yang ditinggalkan nelayan secara sembunyi di Perairan Kuala Kedah kelmarin.